

MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PESARA JABATAN PERTANIAN MALAYSIA



Penulis/Foto : Idris Awab

Serdang, 28 Mac - Bagi kebanyakan Pegawai-Pegawai Pertanian yang telah bersara, mereka akan terus merehatkan diri daripada memikirkan hal-hal kerja atau menjauhkan diri dari Jabatan. Kebanyakannya merupakan pakar dalam bidang masing-masing dan terdiri daripada golongan professional, sokongan, pekerja mahir mahupun separa mahir.

Mesyuarat Agung Persatuan Pesara Jabatan Pertanian Malaysia (Alumni DOA) kali ke-3 ini telah diadakan di Dewan Besar Institut Pertanian Serdang dan dihadiri oleh 80 orang pesara yang merupakan mantan daripada pelbagai peringkat jawatan.

Sebelum mesyuarat dimulakan, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Operasi), YBhg. Dato' Jamal Harizan bin Yang Razali telah membentangkan mengenai Program dan Aktiviti Jabatan Pertanian serta mengendalikan sesi soal jawab bersama ahli-ahli Alumni DOA yang hadir.

Beliau menyeru agar lebih ramai lagi pesara Jabatan tampil menyertai persatuan ini kerana Jabatan menyokong penuh penubuhannya dan akan terus memberikan sumbangan kepada Alumni DOA. Melalui persatuan ini, Jabatan berharap pesara akan terus menyumbangkan buah fikiran dalam memajukan Jabatan. Idea yang mungkin tidak kesampaian ketika dalam perkhidmatan, masih boleh disumbangkan dan disalurkan demi kebaikan dan kemajuan Jabatan.

Pesara Jabatan.....mari kita mendaftar sebagai ahli Persatuan Pesara Jabatan Pertanian Malaysia (Alumni DOA).